



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA  
*Office of Deputy Director-General of Education Malaysia*  
 PEMBANGUNAN PROFESIONALISME KEGURUAN  
*Teachers Professional Development*  
 ARAS 6, BLOK E 13, PARCEL E  
*Level 6, Block E 13, Parcel E*  
 PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
*Federal Government Administrative Centre*  
 62604 PUTRAJAYA



MS ISO 9001: 2000  
 (NO. PENDAFTARAN PA 0021)

Tel : 03-88841078  
 Fax : 03-88841092  
 Laman web : <http://www.moe.gov.my>

Ruj. Kami : KP(BPG)9115/600/2/6 Jld.11 (54)  
 Tarikh : 29 Mei 2013

**Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pelajaran Malaysia  
 Pengarah-Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU (PPG) MOD PENDIDIKAN JARAK JAUH (PJJ)  
 BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA (PPPLD)  
 AMBILAN TAHUN 2013 DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KE-10**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) akan menawarkan Program Pensiswazahan Guru (PPG) yang akan dilaksanakan di Institut Pendidikan Guru (IPG), Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di seluruh negara bagi Ambilan September 2013.

3. Program ini bertujuan memberi peluang kepada PPPLD meningkatkan kelayakan akademik ke peringkat ijazah sarjana muda di samping memenuhi dasar KPM iaitu 60% guru siswazah di sekolah rendah dan 90% guru siswazah di sekolah menengah menjelang tahun 2015.

4. PPPLD yang mengikuti pengajian ini akan ditaja yuran pengajiannya selama empat tahun dan diikat dengan perjanjian oleh pihak Kerajaan.

5. PPG ditawarkan kepada PPPLD yang sedang berkhidmat di Bahagian/Jabatan Pelajaran Negeri (JPN)/Pejabat Pelajaran Daerah (PPD)/sekolah rendah/sekolah menengah/sekolah bantuan kerajaan di bawah kelolaan KPM yang memenuhi syarat dan kelayakan asas seperti berikut :

- 5.1 warganegara Malaysia;
- 5.2 PPPLD yang berumur **45 tahun (lahir pada 1968) dan ke bawah;**
- 5.3 PPPLD yang berumur 46 tahun (lahir pada 1967) hingga 47 tahun (lahir pada 1966) dan telah memilih opsyen bersara wajib 58 atau 60 tahun;
- 5.4 PPPLD yang berumur 48 tahun (lahir pada 1965) hingga 49 tahun (lahir pada 1964) dan telah memilih opsyen bersara wajib 60 tahun;
- 5.5 telah disahkan dalam jawatan pada lantikan pertama oleh **Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP);**
- 5.6 tidak berdaftar atau mengikuti sebarang pengajian dengan mana-mana universiti sebagai pelajar sepenuh masa/ separuh masa/ sambilan dengan tajaan KPM;
- 5.7 memiliki Diploma Pendidikan/Perguruan atau Sijil Perguruan;
- 5.8 mempunyai pengalaman mengajar sebagai guru terlatih secara berterusan lebih daripada tiga tahun;
- 5.9 mempunyai tahap kesihatan yang baik;
- 5.10 memperoleh purata markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) yang baik bagi tiga tahun terkini serta disokong oleh Ketua Jabatan;
- 5.11 bebas daripada tindakan mahkamah dan tatatertib;

